



e-ISSN: 0128-0902

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 12(1) 2026

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Kajian Impak Pelaksanaan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) U1: Kajian Kes di UiTM

(An Impact Study on the Implementation of General Studies (MPU) U1: A Case Study at UiTM)

Mohd Nor Mamat^{1*}, Nor Aziah Alias², Suriyani Ariffin³,
Jasmine David⁴, Mohd Idzwan Mohd Salleh³, Khadijah Said Hashim²

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

²Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA, Puncak Alam, Malaysia

³Jabatan Akademik dan Antarabangsa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

⁴Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sabah, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 16 June 2025

Revised 11 January 2026

Accepted 5 February 2026

Published 21 April 2026

Keywords:

General Studies

Impact

UiTM

Katakunci:

Impak

Mata Pelajaran Umum (MPU)

UiTM

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.1>

ABSTRACT

Higher education in Malaysia has grown rapidly and has become stronger over the past few decades. In developing higher education curricula, Malaysia's background as a diverse country must also be taken into consideration. Therefore, the formation of a spirit of patriotism and unity must be emphasized so that students understand national aspirations, master the national language at a high level and become global citizens based on their Malaysian identity who stand out, ready and willing to sacrifice for the harmony and well-being of the family, society, country and the world. This effort has been and is ongoing through the General Subjects (MPU) course, sports activities, community involvement and learning experiences. After a decade of implementation, this study was conducted comprehensively on the impact of its implementation. A total of 2,680 students from across UiTM were randomly selected to obtain feedback on their impact and perceptions of the potential of the courses. Overall, the findings found that the courses offered had a good impact on students' self-development from various aspects, but there were also several aspects that needed attention for improvement and direction of MPU courses in the future.

ABSTRAK

Pendidikan tinggi di Malaysia telah berkembang pesat dan semakin kukuh sejak beberapa dekad lalu. Dalam membangunkan kurikulum pendidikan tinggi, latar belakang Malaysia sebagai sebuah negara kepelbagaian juga perlu diambil kira. Justeru, pembentukan semangat patriotisme dan perpaduan perlu ditekankan agar pelajar memahami

^{1*} Corresponding author. E-mail address: mohdnoor@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.1>

aspirasi nasional, penguasaan bahasa kebangsaan pada tahap tinggi dan menjadi warga sejagat berasaskan jati diri Malaysia yang menyerlah, bersedia dan sanggup untuk berkorban demi keharmonian dan kesejahteraan keluarga, masyarakat, negara dan sejagat. Usaha ini telah dan sedang berjalan melalui kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) aktiviti sukan, penglibatan bersama dengan komuniti dan pengalaman pembelajaran. Selepas satu dekad peraksanaan, kajian ini dijalankan secara komprehensif ke atas impak perlaksanaannya. Seramai 2,680 pelajar dari seluruh UiTM dipilih secara rawak untuk mendapatkan maklumbalas berkaitan impak dan persepsi mereka terhadap potensi kursus-kursus tersebut. Penemuan secara keseluruhannya mendapati kursus-kursus yang ditawarkan memberi impak yang baik terhadap pembangunan diri pelajar daripada pelbagai aspek, namun terdapat juga beberapa aspek yang perlu diberi perhatian untuk penambahbaikan dan hala tuju kursus-kursus MPU pada masa hadapan.

PENGENALAN

Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) merupakan salah satu strategi serta inisiatif yang dilaksanakan di bawah Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi). Ia bertujuan untuk melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Bagi mencapai objektif ini, graduan perlu didedahkan dengan kepakaran ilmu, teknikal dan insaniah untuk menangani cabaran global, mempunyai daya tahan yang tinggi dan berupaya membuat keputusan yang beretika. Pelaksanaan MPU ini dilihat dapat menerapkan nilai moral dan etika, jati diri kebangsaan, kesukarelawanan, kefahaman terhadap budaya dan peradaban, kesedaran diri dan kemahiran berinteraksi sesama manusia.

Kajian yang menyeluruh ini adalah saranan Kementerian Pengajian Tinggi yang mewakili pihak Kerajaan untuk dilaksanakan terhadap impak MPU kepada graduan. Ia merangkumi konteks pembangunan sendiri dan *nation building* yang boleh menyokong pencapaian Falsafah Pendidikan Kebangsaan di peringkat IPT. Oleh kerana kelompok U1 merupakan tunjang kepada struktur penawaran kursus MPU di IPT yang diwajibkan kepada semua pelajar di dalam pengajian masing-masing, kajian ini perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti impak pelaksanaan kursus MPU di IPT sepanjang penawarannya pada tahun 2013 hingga sekarang.

Bertitik tolak dari perbincangan di atas dan mengambil kira hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk melahirkan graduan yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi, berdaya saing, berilmu, berkemahiran dan berakhlak, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk menyemak semula dan mengkaji pendedahan yang menyeluruh berhubung Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) dan mengkaji impak pelaksanaan MPU dari segi kandungan, kaedah penyampaian dan pentaksiran. Secara terperinci, kajian ini bertujuan mengkaji, pencapaian hasil pembelajaran kursus-kursus MPU yang ditawarkan dan impak kandungan, penyampaian, dan pentaksiran kursus-kursus MPU.

METODOLOGI KAJIAN

Instrumen utama kajian adalah soal selidik yang biasa digunakan dalam kajian tinjauan. Manakala protokol temu bual di gunakan untuk pengumpulan data kualitatif dalam kumpulan perbincangan kualitatif. Instrumen utama untuk pengumpulan data merupakan soal selidik yang dibangunkan oleh kumpulan penyelidik berdasarkan literatur (Thomson, Eodice & Tran, 2015; Saadeddine, 2013). Instrumen telah divalidasi oleh pakar dan penyelaras MPU serta diuji kebolehpercayaan (*reliability*) melalui kajian rintis. Skor kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini bernilai 0.94 Cronbach Alpha.

Data yang dikumpul menggunakan soal selidik bersifat *self-reported* iaitu persepsi dan pelaporan sendiri oleh para pelajar yang telah mengikuti kursus-kursus MPU. Dari segi struktur, soal selidik terdiri daripada lima (5) bahagian utama iaitu, demografi termasuk maklumat MPU yang pernah diambil, kaedah Penyampaian MPU, persepsi mengenai kandungan, kaedah dan tugas yang diberikan dalam MPU (12 item), kesan setelah mempelajari kursus MPU (10 item), juga impak MPU secara keseluruhan (7 item), item mengenai faktor pencapaian dalam kursus MPU dan item mengenai pilihan kursus MPU sekiranya tidak diwajibkan

Selain itu, tiga soalan terbuka disediakan untuk para responden menyampaikan pandangan dan pendapat. Data daripada bahagian ini dianalisis sebagai data kualitatif. Data kajian tinjauan dikutip melalui dalam talian menggunakan *Google Form* melibatkan 2,680 pelajar daripada UiTM seluruh negara. Populasi pelajar yang dipilih adalah dalam kalangan pemimpin pelajar di setiap IPT. Senarai kepimpinan pelajar diperolehi daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Pemilihan pelajar adalah mengikut kriteria seperti pelajar sarjana muda yang berada di Semester 3 dan ke atas. Pemilihan sedemikian dibuat bagi memastikan semua pelajar yang terlibat telah mengambil sekurang-kurangnya dua atau tiga subjek mata pelajaran umum. Keseluruhan responden adalah 2,680 pelajar mewakili 71.2% perempuan dan 28.8% lelaki. Dari segi bangsa, majoriti responden adalah berbangsa Melayu (90.6%) dan selainnya adalah Bumiputera.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Amalan Semasa Penawaran MPU

Secara umumnya, kursus Falsafah dan Isu Semasa, Penghayatan Etika dan Peradaban, Pengajian Malaysia dan Bahasa Melayu Komunikasi adalah kursus umum yang telah digubah oleh pihak Jabatan Pengajian Tinggi. Kursus-kursus tersebut memiliki kandungan kursus yang seragam namun pelaksanaannya bergantung dengan ketetapan instituti pengajian tinggi itu sendiri. Manakala bagi kursus-kursus MPU yang lain terutamanya dari kelompok U2, U3 dan U4, pihak institusi pengajian tinggi harus merekabentuk kursus mereka sendiri berdasarkan tema yang telah diberikan oleh pihak Jabatan Pengajian Tinggi. Namun, kursus-kursus tersebut hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak senat bagi institusi pengajian tinggi awam dan bagi insitutsi pengajian tinggi swasta pula perlu mendapat kelulusan dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Dari segi penawaran, tiada peruntukan khusus bila kursus-kursus MPU harus diambil namun pelajar harus menyempurnakan pengambilan kursus-kursus MPU sebelum bergraduasi. Ini kerana semua pelajar yang mendaftar dengan mana-mana institusi wajib lulus kesemua kursus-kursus MPU mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengajian Tinggi. Walaubagaimanapun, pihak Jabatan Pengajian Tinggi membenarkan pengecualian kursus sekiranya pelajar tersebut telah mengambil mana-mana kursus MPU pada pengajian yang sebelumnya atau dari institusi terdahulu.


Di negara luar, kursus-kursus seumpama MPU dikenali sebagai “*Citizenship Education*” (CE) dan *General Studies*. Menurut European Commission melalui EACEA/Eurydice (2019), CE ada kursus-kursus yang ditawarkan di sekolah-sekolah bertujuan untuk mengharmonikan komuniti dan masyarakat yang hidup bersama-sama dan memberikan manfaat untuk pembangunan seseorang individu dan komuniti. Satu lagi konsep yang boleh dikaitkan dengan MPU adalah “*Global Citizenship Education*” (GCE). Menurut UNESCO (2014), GCE adalah sebuah kerangka paradigma yang merangkumi bagaimana pendidikan boleh membangunkan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap yang diperlukan oleh pelajar untuk menjamin dunia yang lebih adil, aman, bertolak ansur, inklusif, selamat dan mampan. Jika melihat kepada amalan negara luar, CE diperkenalkan kepada pelajar pada peringkat sekolah lagi. Di England, CE wajib diajarkan kepada pelajar sekolah semenjak 2001 sebagai sebahagian daripada kurikulum untuk pelajar yang berumur 11 hingga 16 tahun. Ia bertujuan untuk mendidik pelajar tentang ilmu pendidikan sivik, kesukarelawan dan ilmu pengurusan kewangan (Moorse, 2020).

Manakala di Singapura pula CE bertujuan untuk mempersiapkan golongan muda untuk memiliki penglibatan yang baik dan bertanggungjawab dalam mengendalikan informasi. Sementara di Norway pula CE bertujuan untuk menyemai solidariti terhadap isu-isu antarabangsa dalam kalangan pelajar. Di Indonesia pula CE bertujuan untuk membentuk pelajar yang memiliki jati diri dan mencintai negaranya (Nurdin & Dahliana, 2017). Di Singapura, penerapan CE juga bermula daripada sekolah lagi. Menurut Tan dan Ng (2021), Kementerian Pendidikan Singapura memandang penting akan penerapan nilai-nilai murni di kalangan murid-murid sekolah dan dengan itu telah memperkenalkan 'Pendidikan Karakter dan Kewarganegaraan' (*Character and Citizenship Education, CCE*) di semua sekolah kerajaan di negara ini sejak 2014. Salah satu tumpuan yang penting dalam kerangka CCE ini adalah pada Literasi Sivik, Kesedaran Global dan Kemahiran Silang Budaya (*Civic Literacy, Global Awareness and Cross-Cultural Skills*) (Tan & Ng, 2021). Begitu juga pelaksanaan pendidikan karektor di beberapa buah negara seperti Englad, Australia, Kanada, Itali, Jepun, Korea dan Switzerland (Kerr, 2011).

Ini menunjukkan amalan penawaran kursus Mata Pelajaran Umum di Malaysia adalah selaras dengan amalan pendidikan di peringkat global. Penawaran kursus ini adalah signifikan dan wajar diteruskan. Sehubungan itu juga, kajian keberkesanan dan impak sebegini juga adalah sangat signifikan dilaksanakan untuk penambahbaikan dari masa ke semasa.

Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) Yang Terlibat

Majoriti pelajar telah mengambil subjek wajib universiti seperti falsafah dan isu semasa, penghayatan etika dan peradaban, asas keusahawanan dan kursus kokurikulum. Mengikut graf bar di atas, sebanyak 87.7% telah mengambil kursus kokurikulum, manakala 26.4% telah mengambil kursus penghayatan etika dan peradaban, 26.3% telah mengambil kursus asas keusahawanan dan 22.3% mengambil penghayatan etika dan peradaban. Untuk makluman, hanya pelajar Tahun 1 dan 2 sahaja yang mengambil falsafah dan isu semasa dan penghayatan etika dan peradaban. Kursus-kursus MPU ini dibahagikan kepada empat kumpulan utama iaitu U1, U2, U3 dan U4. Kursus kokurikulum mewakili U4 sebanyak 87.7%, manakala asas keusahawanan mewakili U2 sebanyak 26.3% dan 48.7% mewakili U1.



Persepsi Pelajar Terhadap MPU

Berdasarkan jadual di bawah, responden dari UiTM secara keseluruhan bersetuju dan sangat bersetuju dengan item persepsi pelajar terhadap MPU.

Jadual 1. Persepsi mengenai kandungan kursus MPU (UiTM)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Topik dalam kursus MPU menarik	1654	61.7
Topik dalam kursus MPU relevan dengan kehidupan	1682	62.8
Topik dan tugas MPU meningkatkan pengetahuan terhadap budaya dan masyarakat	1777	66.3
Topik dan tugas MPU meningkatkan pengetahuan terhadap dunia dan tanahair	1781	66.5
Topik dan tugas MPU memberikan kesedaran pentingnya kehidupan bermasyarakat	1793	66.9
Topik dan tugas MPU menjadikan pelajar matang	1736	64.8
Topik dan tugas MPU meningkatkan rasa tanggungjawab sosial	1765	65.9
Topik dan tugas MPU membolehkan berlaku kerjasama dalam kumpulan	1809	67.5
Topik dan tugas MPU memberi kesan positif kepada pembangunan diri	1757	65.6
Kaedah pembelajaran kursus MPU mempromosi pembelajaran sendiri	1673	62.4
Pembelajaran kursus MPU adalah menarik dan efektif	1639	61.2

Kesan Setelah Mempelajari Kursus MPU

Jadual 2. Kesan setelah mempelajari kursus MPU (UiTM)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Lebih faham tentang kehidupan masyarakat dan pluraliti	1447	53.99
Lebih banyak terlibat dalam kerja komuniti	1222	45.59
Lebih luas pandangan berkaitan ledakan maklumat dan teknologi maklumat komunikasi	1484	55.37
Lebih mahir mengaplikasi teori kepimpinan dalam kehidupan	1405	52.4
Lebih berupaya mengupas isu dan cabaran global semasa	1297	48.39
Lebih berupaya menerapkan falsafah dan etika dalam kehidupan	1382	51.56
Lebih berupaya menyantuni pluraliti dalam bersosial	1596	59.55
Lebih mahir dan berkeyakinan mengaplikasi prinsip-prinsip keusahawanan	1279	47.7
Lebih menghayati kepentingan dan praktis beragama dalam kehidupan	1631	60.85
Lebih mempunyai keyakinan diri berada dalam masyarakat	1477	55.1

Berdasarkan jadual di atas, antara 45 hingga 60% responden dari UiTM bersetuju dan sangat bersetuju dengan item kesan kursus MPU.

Impak Kursus MPU Secara Keseluruhan


Jadual 3. Impak keseluruhan kursus MPU (UiTM)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Kursus MPU berupaya merangsang minat saya untuk mendalami perkara yang dipelajari	1647	61.45
Kursus MPU memberi kesan/impak yang tinggi dalam ke atas tahap pengetahuan saya	1787	66.67
Kursus MPU memberi kesan/impak yang tinggi dalam ke atas tahap kemahiran komunikasi saya	1733	64.66
Kursus MPU memberi kesan/impak yang tinggi dalam ke atas tahap kesedaran saya sebagai rakyat Malaysia	1791	66.8
Kursus MPU memberi kesan/impak yang tinggi dalam ke atas tahap kemahiran berfikir saya	1785	66.6
Kursus MPU memberi kesan/impak yang tinggi dalam ke atas tahap pembentukan jati diri saya	1756	65.5

Berdasarkan jadual dan rajah di atas, responden dari UiTM beranggapan kursus MPU secara keseluruhan ialah sangat baik dan berada dalam peratusan yang tinggi.

Faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan pencapaian dalam kursus MPU

Berdasarkan graf histogram di atas, dapat disimpulkan bahawa responden dari UiTM tidak banyak membezakan faktor *nature* kandungan yang mudah faham, para pengajar yang berilmu tinggi, topik-topik menarik dan kaedah penyampaian/penilaian inovatif dan *manageable* sebagai penyumbang.



Kebarangkalian mengambil kursus MPU jika diberi pilihan

Rajah 3. Kebarangkalian mengambil kursus MPU jika diberi pilihan (UiTM)

Jika diberi pilihan sekarang, adakah saudara/saudari akan mengambil kursus MPU di universiti saudara/saudari?

2,680 responses



Berdasarkan rajah di atas, didapati sebanyak 52.9% responden berkemungkinan akan mengambil kursus MPU jika diberi pilihan, manakala 33.6% dari kalangan responden pasti akan mengambil kursus MPU jika diberi pilihan, dan 13% tidak akan mengambil kursus MPU jika diberi pilihan. Selain itu, hanya 0.46% tidak pasti, ikut situasi, hanya kursus ko dan DLL dengan pelbagai syarat.

Kelebihan Kursus MPU

Kursus MPU ternyata dapat memberikan impak positif di kalangan para pelajar. Antara kelebihan kursus-kursus MPU ialah dapat mencungkil dan mengasah pelbagai kemahiran yang dimiliki oleh pelajar, mengaplikasi pembelajaran secara kolaboratif dan kerja berpasukan serta pelajar dapat mengenali rakan pelajar secara lebih dekat. Di samping itu, kursus MPU juga dapat meningkatkan sahsiah pembangunan pelajar. Jesteru, kebolehpasaran pelajar selepas tamat pengajian juga dapat dipertingkatkan dengan mutu kemahiran yang pelajar miliki. Selain itu, kursus MPU juga dapat meningkatkan semangat patriotism pelajar dan penglibatan pelajar dalam khidmat masyarakat dapat memberi kesedaran berkenaan masyarakat setempat. Akhir sekali, kursus MPU dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dan memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan di kalangan pelajar. Secara ringkas, dapatan daripada input soalan terbuka dan komen dalam soal selidik diwujudkan seperti di bawah.

1. Kemahiran pelajar

Pelbagai kemahiran baru dapat dikembangkan menerusi kursus MPU. Antaranya ialah kemahiran komunikasi, kemahiran pembelajaran, kemahiran berfikir, kemahiran insaniah, kemahiran bersosial dan juga kemahiran kepimpinan. Melalui kursus MPU, pelajar mendapat pendedahan mengenai kemahiran-kemahiran di luar bidang pengajian utama pelajar. Kemahiran ini hanya dapat dipelajari secara berkesan melalui pengalaman dalam kerja kursus dan amali. Kemahiran pelajar yang diasah dapat digunapakai dalam menyelesaikan masalah harian dan mungkin juga di dalam industri. Segala kemahiran yang dipelajari mungkin membantu pelajar untuk mengharungi cabaran hidup di masa akan datang.

2. Pembelajaran kolaboratif dan kerja berpasukan

Aktiviti berkumpul dapat memupuk sifat kerjasama dan berpasukan di kalangan pelajar. Di samping itu, aktiviti berkumpul juga dapat memperbaiki kemahiran komunikasi yang lebih baik dan memupuk sifat sabar serta tolenransi dalam kalangan pelajar. Malah, semangat berpasukan dapat dipertingkatkan melalui kursus MPU. Pelbagai idea kreatif juga dapat dihasilkan melalui

perbincangan secara berkumpulan dan pelajar akan bersikap lebih terbuka mengenai idea yang dicadangkan oleh rakan pelajar yang lain.

3. **Mengenal Pelajar Lain**

Berdasarkan aktiviti berkumpulan bersama pelajar dari pelbagai latar belakang, membolehkan pelajar mengenali dan memahami rakan pelajar yang lain dengan lebih dekat. Pelajar juga dapat meluaskan jaringan kenalan dan mengaplikasikan kemahiran bersosial dalam kehidupan. Hubungan yang baik dapat mengeratkan silaturrahim dan membantu untuk menjayakan objektif di dalam kerja kursus MPU.

4. **Pembangunan Pelajar**

Pembangunan pelajar adalah penting untuk membentuk karakter seseorang. Melalui pelbagai aktiviti di luar kelas dapat membentuk sahsiah pelajar di samping mengasah kepimpinan dan menangani tekanan secara sihat dalam usaha menjayakan tugas yang diberikan. Pelajar juga belajar cara mengimbangi sesi pembelajaran di antara mata pelajaran teras dan juga mata pelajaran umum. Secara tidak langsung, pelajar mempelajari cara untuk memahami kepentingan kehidupan harmoni dan menguatkan jati diri.

5. **Kebolehpasaran Pelajar**

Kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari seperti bidang keusahawanan dapat membantu pelajar yang berkebolehan dalam bidang perniagaan dan pemasaran. Manakala, aktiviti kemasyarakatan yang lain pula dapat membantu pelajar dalam memahami komuniti dan sejarah negara. Kebolehpasaran pelajar selepas graduasi tidak semestinya tertumpu pada bidang pengkhususan teras tetapi, pelajar juga boleh mencuba peluang dalam lain-lain bidang dengan berbekalkan segala kemahiran dan pengalaman melalui kursus MPU.

6. **Peningkatan Semangat Patriotisme Pelajar**

Semangat patriotisme dalam diri seseorang bukanlah hanya wujud pada ketika sambutan Hari Kebangsaan sahaja. Malah, melalui sesi pembelajaran kursus MPU juga boleh menerapkan semangat patriotisme dan cinta akan negara di dalam diri pelajar. Sebagai warganegara Malaysia, kita seharusnya berbangga dan bersyukur kerana disebabkan oleh pejuang kemerdekaan, kita dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni pada ketika ini. Adalah penting bagi pelajar untuk mempelajari dan menghayati sejarah negara agar mereka dapat menghargai jasa dan pengorbanan nenek moyang ketika zaman penjajah dahulu. Generasi kini tanggungjawab untuk mengekalkan keamanan, keharmonian dan perpaduan antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini.

7. **Kesedaran Pelajar berkenaan Masyarakat**

Antara kelebihan kursus MPU ialah kesedaran pelajar berkenaan masyarakat. Melalui penglibatan pelajar di dalam aktiviti khidmat masyarakat, pelajar lebih cakna mengenai isu-isu semasa di dalam negara di samping memperluaskan pandangan dan perspektif mengenai pelbagai kaum, budaya dan agama. Pelajar juga dapat meningkatkan kesedaran mengenai pengetahuan sosial dan dunia serta memupuk sifat empati dan rasa bersyukur dalam diri. Seterusnya, pelajar dapat menyedari bahawa terdapat dunia luar selain dari bidang akademik di dalam kelas. Kesedaran ini penting agar pelajar tahu akan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan negara.

8. **Penglibatan dalam Khidmat Masyarakat**

Penglibatan pelajar dalam aktiviti khidmat masyarakat memberikan impak positif kepada diri pelajar. Pelajar dapat mengisi masa dengan perkara yang berfaedah dan memberi bermanfaat kepada masyarakat. Pelajar berpeluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti khidmat masyarakat dan mendapat pengalaman dalam aktiviti sosial. Pelajar juga dapat mempelajari mengenai

kehidupan masyarakat setempat dan memberi bantuan sewajarnya kepada mereka. Aktiviti sebegini dapat mengasah kemahiran insaniah dalam diri pelajar.

9. **Pengetahuan Pelajar**

Melalui pengajian kursus MPU, pelajar teruja dapat mempelajari pelbagai ilmu baru, menambahkan pengetahuan mengenai Malaysia serta sosial dan budaya. Di samping itu, pelajar juga berpeluang untuk mempelajari sesuatu di luar bidang dan program mata pelajaran teras. Pelajar berupaya untuk mempelajari pelbagai topik mengenai negara Malaysia dan mendapat pengetahuan serta kemahiran yang boleh diaplikasikan di masa akan datang. Pengetahuan terperinci mengenai Malaysia menjadikan pelajar seorang warganegara yang bertanggungjawab dan cintakan tanah air. Perbezaan budaya dan agama di kalangan warganegara Malaysia memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari kehidupan masyarakat bermajmuk dan mengenali pelbagai etnik yang ada di Malaysia.

10. **Penggunaan/ Latihan Penggunaan Bahasa Kebangsaan**

Penggunaan Bahasa kebangsaan dalam silibus kursus MPU berupaya meningkatkan kesedaran pelajar akan kepentingan menguasai Bahasa Melayu sebagai Bahasa ibunda. Dalam kepesatan arus teknologi di masa kini, penggunaan Bahasa Inggeris sering kali menjadi median komunikasi dan penggunaan Bahasa Melayu sering kali dilupakan. Maka, penggunaan Bahasa Melayu dalam kursus MPU dapat meningkatkan penguasaan Bahasa kebangsaan melalui kaedah membaca dan berkomunikasi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kekurangan Kursus MPU

Disebalik kelebihan-kelebihan yang dapat dipelajari melalui kursus MPU, ia juga mempunyai kelemahan-kelemahannya. Antara kelemahan yang dapat dikenalpasti melalui kaji selidik terhadap para pelajar ialah kursus MPU tidak relevan untuk diaplikasikan terhadap kehidupan seharian dan bidang kerjaya, kelemahan pelajar dalam penggunaan Bahasa Melayu, isi kandungan kursus MPU yang berulang, terlalu meluas dan membosankan serta penilaian secara berkumpulan membebankan pelajar. Di samping itu, sesi pengajaran dan pembelajaran ketika kursus MPU juga mempunyai beberapa kelemahan tersendiri.

1. **Kursus MPU Tidak Relevan**

Segelintir pelajar berpendapat bahawa kursus MPU tidak relevan untuk digunapakai dalam kehidupan seharian dan juga di dalam bidang pengajian matapelajaran teras serta dalam bidang kerjaya pada masa akan datang. Maka, pelajar bertindak untuk mengabaikan tugas yang diberikan dan tidak berminat untuk meneruskan kursus tersebut.

2. **Penggunaan Bahasa Melayu**

Penggunaan Bahasa Melayu adalah wajib ketika sesi pengajaran dan pembelajaran kursus MPU. Namun yang demikian, terdapat pelajar yang kurang menguasai Bahasa Melayu dengan baik menyebabkan mereka kurang memahami tugas yang diberikan. Kebanyakan mereka menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium pengantaraan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran teras dan juga ketika berkomunikasi. Maka, terdapat pelajar yang kurang berminat menyertai kursus MPU disebabkan penggunaan Bahasa Melayu.

3. **Isi Kandungan Kursus MPU**

Pelajar juga berpendapat bahawa isi kandungan kursus MPU yang berulang, iaitu hampir sama seperti mata pelajaran sejarah dan Pendidikan moral yang mereka telah pelajari semasa di sekolah. Ini menyebabkan pelajar merasa bosan dan berpendapat ia tidak relevan untuk dipelajari sekali lagi ketika di peringkat pengajian tinggi.

Pelajar juga berpendapat bahawa bahan dan maklumat mengenai sesuatu topik agak sukar untuk didapati, sedangkan kursus MPU merangkumi bidang yang sangat luas. Pelajar terasa terbeban dengan kursus MPU yang memerlukan perhatian dan komitmen yang tinggi. Isi kandungan yang berdasarkan fakta dan teori pula membosankan dan kurang menarik minat pelajar.

4. **Penilaian**

Penilaian dan pemarkahan terhadap kursus MPU adalah berdasarkan tugas berkumpulan dan peperiksaan turut mempunyai kelemahannya. Pelajar berpendapat tugas yang melibatkan kumpulan pelajar yang besar (yang terdiri lebih dari 10 orang) agak sukar untuk dilaksanakan kerana ada di kalangan mereka yang kurang memberikan kerjasama yang baik sepanjang tempoh pelaksanaan tugas kursus MPU. Adakalanya, percanggahan idea boleh menyebabkan perselisihan faham di antara pelajar dan mengganggu emosi mereka. Kursus MPU juga tidak memberikan impak terhadap CGPA pelajar, sedangkan banyak masa dan usaha digunakan untuk menjayakan sesuatu tugas.

5. **Pengajaran dan Pembelajaran**

Kelemahan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ketika pandemik adalah kurang berkesan berbanding sesi pengajaran dan pembelajaran secara fizikal. Pelajar sukar untuk bertanyakan soalan secara terus kepada pensyarah dan kurang interaksi antara pelajar. Tugas berkumpulan juga sukar untuk dilaksanakan kerana pelajar tidak mampu untuk melakukan perbincangan secara bersemuka bersama rakan pelajar yang lain. Selain itu, tugas kerja di lapangan juga tidak dapat dilaksanakan ketika pandemik dan pelajar mendapati sumber rujukan adalah sangat terhad bagi sesetengah topik.

Dari segi strategi pengajaran pula, subjek yang melibatkan fakta dan teori memerlukan pelajar untuk meluangkan masa yang banyak untuk membaca dan menghafal. Selain itu, sesi pembelajaran yang melibatkan lebih dari 100 orang dalam satu masa juga sukar ditangani melalui sesi pembelajaran dalam talian. Intonasi pengajar yang senada dan corak penyampaian yang kompleks juga kurang menarik minat pelajar. Pemberian tugas di saat akhir membebankan pelajar lebih-lebih lagi apabila tugas itu melibatkan banyak pihak dan pihak berkuasa. Pelajar perlu meluangkan banyak masa untuk mencari sumber rujukan, melakukan perbincangan bersama ahli kumpulan, melakukan urusan rasmi dan pelbagai lagi perkara yang berkaitan. Maka ada yang berpendapat bahawa kursus MPU ini adalah membuang masa dan tidak relevan untuk dipelajari.

Cadangan Penambahbaikan MPU

Penambahbaikan kursus MPU adalah perlu untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti melalui kaji selidik yang telah dijalankan. Penambahbaikan boleh dibuat dari segi pengajaran dan pembelajaran, isi kandungan dan silibus kursus MPU dan juga pengimplementasian kursus MPU.

1. **Pengajaran dan Pembelajaran**

Pengajaran dan pembelajaran boleh ditambahbaik melalui aktiviti yang lebih menarik dan interaktif supaya pelajar dapat melibatkan diri secara aktif di dalam kelas. Pengajar juga boleh mengadakan quiz dan permainan yang berkaitan dengan kursus MPU untuk menarik minat pelajar. Aktiviti berkumpulan di dalam kelas juga dapat membantu pelajar bergiat aktif dan bersemangat untuk belajar. Penyediaan bahan mengajar yang menarik dan meminimalkan penggunaan ayat penuh di dalam nota kuliah. Pengajar boleh memperbanyakkan nota berbentuk peta minda, animasi dan video untuk membantu pelajar lebih fokus ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Disebabkan pandemik yang melanda negara, aktiviti kajian lapangan adalah terhad. Namun, lawatan secara virtual boleh diguna pakai untuk menggantikan lawatan secara fizikal. Secara keseluruhannya, jadikan kursus MPU sebagai subjek yang menyeronokkan dan menarik untuk dipelajari.

Personaliti dan karakter pengajar juga memainkan peranan penting untuk menambah baik sesi pengajaran dan pembelajaran. Pengajar perlu bersikap lebih terbuka dan positif apabila berhadapan dengan pelajar agar pelajar merasa selesa dan lebih menghormati pengajar. Berkenaan penilaian dan tugas pula, adalah lebih efisien dan praktikal jika sekiranya jumlah tugas dapat dikurangkan kerana jumlah kredit yang sedikit tidak berpadanan dengan tugas yang diberikan sebelum ini. Peperiksaan secara bertulis juga boleh dimansuhkan memandangkan kursus MPU tidak memberikan impak pada CGPA pelajar.

2. **Isi Kandungan dan Silibus MPU**

Menambah baik isi kandungan dan silibus kursus MPU boleh dilakukan dengan penstrukturan semula silibus sedia ada supaya isi kandungan menjadi lebih mantap. Selain itu, isu dan topik semasa di dalam dan di luar negara juga boleh dibincang semasa sesi pengajaran dan pembelajaran agar pelajar mendapat pendedahan dan cakna dengan isu semasa. Isi kandungan yang berteraskan sejarah negara Malaysia dan isu berkenaan sosio ekonomi negara juga boleh diketengahkan. Antara cadangan topik yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian pelajar ialah topik kewangan, cukai dan juga pendidikan seks. Topik ini adalah relevan untuk dipelajari oleh generasi sekarang dan lebih praktikal untuk kehidupan seharian.

3. **Pengimplimentasian MPU**

Pelaksanaan kursus MPU boleh ditambahbaik dengan mempromosikan kursus MPU sebagai subjek yang menyeronokkan agar pelajar tertarik untuk mengikuti kursus ini. Promosi berkenaan boleh dilakukan di platform media sosial dan juga media cetak. Pelaksanaan kursus MPU juga dicadangkan agar dijadikan sebagai subjek elektif pilihan dan bukan sebagai subjek wajib kerana sesetengah pelajar telah mengambil subjek yang berkenaan dengan kursus MPU ketika di sekolah. Pelajar juga mencadangkan agar mereka diberi pilihan agar dapat melakukan tugas secara individual atau secara berkumpulan. Kursus MPU juga boleh dilaksanakan dengan lebih teratur sekiranya bebanan tugas dapat dikurangkan terhadap pelajar. Manakala waktu terbaik untuk mempelajari kursus MPU pula ialah ketika peringkat persediaan universiti atau awal semester sahaja supaya pelajar dapat memberikan tumpuan terhadap mata pelajaran teras ketika di pertengahan dan akhir semester. Pelaksanaan kursus MPU dalam dwi bahasa juga boleh dipertimbangkan berdasarkan subjek tertentu.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kursus MPU mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tersendiri. Namun, terdapat penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan untuk menjadikan kursus ini dengan lebih berkesan. Kursus ini ternyata mampu mencungkil bakat dan kemahiran yang ada pada diri pelajar di samping dapat membentuk pelajar dengan sahsiah yang terpuji. Adalah dicadangkan agar kursus MPU ini diteruskan, memandangkan impak perlaksanaannya yang amat positif. Walaubagaimanapun, pelaksanaan pada masa hadapan memerlukan penambahbaikan aspek-aspek tertentu dengan hala tuju yang lebih bersesuaian dengan perubahan semasa.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Teknologi MARA untuk geran penyelidikan dan fasiliti dalam menyiapkan kajian ini.

PERNYATAAN KONFLIK KEPENTINGAN

Diperakukan bahawa penulis-penulis tiada sebarang konflik kepentingan sama ada dalam bentuk kepentingan peribadi, komersil atau kewangan dengan penajaan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Mohd Nor Mamat adalah penyedia artikel ini. Nor Aziah Alias Adalah ketua kumpulan dan menyediakan laporan penuh kajian. Pengumpulan dan analisis data oleh Jasmine David, Suriyani Ariffin, Mohd Nor Mamat, Khadijah Said Hashim dan Mohd Idzwan Mohd Salleh.

RUJUKAN

- Bernama. (2006, Mac 21). *Kerangka kelayakan Malaysia untuk tingkat taraf pengajian tinggi negara*. http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=187008
- Bernama. (2007, Julai 14). *Ketiadaan kemahiran insaniah punca siswazah menganggur, kata Mustapa*. <http://www.blis.bernama.com/mainHome.do>
- British Council. (2007, Mac 7). *Generic skill dictionary*. <http://www.britishcouncil.org/africa-britishcouncil-generic-skills-dictionary>
- Endut, N. A., Rohaini, A., Ayu Nor, A. M., & Hairul Anuar, M. D. (2019). Impak mata pelajaran umum dari kaca mata Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Journal of Social Science and Humanities*, 16(2), 1–18.
- Esa, A., Abd Hadi, M. Y., & Salleh, D. B. M. (2007, December 12–14). *Peranan ko-kurikulum di Politeknik dalam memenuhi keperluan pihak industri di Malaysia*. Paper presented at the *Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007*, Hotel Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan, Selangor.
- Fadilah, Z. (2020, February 16). *Kursus umum penghayatan etika dan peradaban bentuk graduan beretika dan bersifat positif*. UTM Newshub. <https://news.utm.my/ms/2020/02/kursus-umum-penghayatan-etika-dan-peradaban-bentuk-graduan-beretika-dan-bersifat-positif/>
- Haslinda @ Robita Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab, & Zarina Mohd Ali. (2005). *Pembangunan sahsiah mahasiswa bersepadu: Konsep dan pelaksanaannya di Kolej Universiti Kejuruteraan*. Paper presented at the *Seminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan*, Hotel Aseania, Langkawi, 17–18.
- Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi. (2016). *Garis panduan mata pelajaran pengajian umum* (2nd ed.). Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kee, C. P., Ahmad, F., & Ibrahim, F. (2011). Hubungkait antara kemahiran insaniah prasiswazah dengan dimensi hubungan organisasi-publik. *Jurnal Personalita Pelajar*, 14, 23–26.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi)*.
- Kreijns, K., Kirschner, P. A., & Vermeulen, M. (2013). Social aspects of CSCL environments: A research framework. *Educational Psychologist*, 48(4), 229–242. <https://doi.org/10.1080/00461520.2012.750225>
- Kumar, S. (2012, Mac 23). *Generic skills in personnel development*. Jabatan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. <http://www.politeknik.gov.my>
- Lazerson, M., Wagener, U., & Shumanis, N. (2000). *What makes a revolution: Teaching and learning in higher education, 1980–2000*. National Center for Postsecondary Improvement, Stanford University School of Education.
- Mohamad Shatar, & Azali Mohamad. (2008, October 29–31). *The university–industry linkage: The role of student development services professional*. Paper presented at the *Regional Convention on Student Development*, Phuket, Thailand, organized by Universiti Utara Malaysia.

- Mohd Faizal Ahmad. (2005). *Tahap penguasaan generic skills di kalangan pelajar perakaunan semester akhir: Satu tinjauan di tiga buah politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia* (Master's thesis). Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- NCVER. (2003). *Defining generic skills: Technical document*. Australia National Training Authority. http://www.ncver.edu.au/popups/limit_download.php
- Ng, M. Y., & Harahap, I. (2017). *Matapelajaran pengajian umum (MPU) peneraju transformasi pendidikan holistik*. Paper presented at the *National Pre-University Seminar*, Kuala Lumpur.
- Ng, M. Y., & Iswandi, H. (2017, August 23). *Mata pelajaran pengajian umum (MPU) peneraju transformasi pendidikan holistik*. Paper presented at the *National Pre-University Seminar 2017 (NPreUS2017)*, RHR Hotel.
- Noor Aziera, M. R., Siti Nurul, I., Norafifah, A. H., Mohd Faizal, P. R., & Norizah, M. (2020). Pelaksanaan subjek hubungan etnik tanpa peperiksaan akhir di UiTM Cawangan Melaka. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(20), 18–34.
- Nurul Aini Mohd Ahyar, & Muhammad Abd Hadi Bunyamin. (2020, July 11). Perkasa kurikulum pendidikan seiring keperluan zaman. *Berita Harian*.
- Nurul Farhanah, M. N. (2019). Keberkesanan subjek mata pelajaran umum (MPU) dalam memperkasa Bahasa Melayu: Satu tinjauan awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 85–96.
- Oblinger, D., & Verville, A. (1998). *What business wants from higher education*. Oryx Press.
- Siti Norayu, M. B., Mohammad Zaini, A. B., Junainor, H., & Hassad, H. (2018). Persepsi terhadap penawaran mata pelajaran umum hubungan etnik dalam meningkatkan kefahaman patriotisme di Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Human Development and Communication*, 7, 143–154.
- Wan Mohd Tarmizi, W. O., & Munirah, M. (2014, April 9–10). *Pelaksanaan kursus pengajian umum berteraskan pendidikan Islam dalam pembinaan modal insan: Pengalaman politeknik*. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN 2014)*, Batu Pahat, Johor.



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).